

NO SOALAN : 46

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN ABD
HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 24.11.2015
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan berapakah kadar elaun yang dibayar kepada anggota keselamatan yang berkhidmat di Pulau Ubi, Mantanani Siout, Pulau Jarak, Pulau Perak dan kawasan operasi keselamatan di pulau-pulau di Perairan Sabah Timur.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan prihatin dengan risiko dan kesukaran hidup anggota ATM yang ditugaskan di pulau-pulau dan stesen-stesen persisiran pantai. Sehubungan itu, Kerajaan telah menaikkan kadar Bayaran Insentif Tugas Stesen Luar Pantai (BITSLP) daripada RM 8.00 sehari kepada RM 16.00 sehari berkuat kuasa 1 Januari 2015.

BITSLP dibayar kepada semua anggota ATM yang bertugas di penempatan Persisiran Pantai, Pulau-Pulau dan Penempatan yang diwartakan berdasarkan bilangan hari bertugas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)

SOALAN : 47

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sejak 2010 dan apakah kapasitinya. Nyatakan perancangan untuk memperbesarkannya, bila ia bermula kos serta cadangan asal membina hotel 4 bintang bersebelahan. Nyatakan apakah projek pembangunan lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah penumpang yang dikendalikan di Lapangan Terbang Antarabangsa (LTA) Pulau Pinang sejak 2010 sehingga bulan September 2015 adalah seramai 29.6 juta penumpang. Jumlah ini merangkumi penumpang antarabangsa dan domestik yang berlepas ataupun mendarat di lapangan terbang tersebut. Untuk makluman YB Bagan, kapasiti sedia ada Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas adalah sebanyak 6.5 juta penumpang setahun. Manakala jumlah trafik penumpang yang dikendalikan di lapangan terbang tersebut pada tahun 2014 adalah sebanyak 6 juta penumpang setahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU) sedang menjalankan satu Kajian bertajuk "Kajian Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Baru Di Utara Malaysia". Kajian ini akan mengambil masa 6 bulan dan dijangka siap pada akhir November ini. Kajian tersebut juga akan mengambilkira status cadangan projek pembesaran lapangan terbang Pulau Pinang. Keputusan kajian tersebut akan memberikan panduan kebolehlaksanaan (*feasibility*) keseluruhan projek-projek lapangan terbang di Utara Malaysia termasuk sebarang cadangan pembangunan komersial. Sebarang keputusan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang akan tertakluk kepada hasil kajian tersebut.

Merujuk kepada cadangan pembangunan lain di sekitar LTA Pulau Pinang, pihak MAHB sememangnya menyedari akan masalah kekurangan tempat letak kereta di lapangan terbang antarabangsa Pulau Pinang. Bilangan 666 lot yang ada sekarang tidak lagi mencukupi. Oleh yang demikian MAHB akan membina satu kemudahan tempat letak kereta bertingkat untuk meningkatkan kapasitinya kepada 3,000 lot khusus untuk memenuhi keperluan pengguna lapangan terbang. Dengan ini, isu pembinaan sebuah hotel 4 bintang serta pembangunan lain di tapak tempat letak kereta tersebut adalah tidak timbul di mana apa-apa rancangan komersial yang lain adalah di kawasan luar tempat letak kereta tersebut.